

KEJU
(1)

1984

KUALA LUMPUR, 29 MEI (BERNAMA) -- CADANGAN DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD SUPAYA MALAYSIA MENGELUARKAN KEJU SENDIRI YANG LEBIH SESUAI UNTUK HIDANGAN TEMPATAN, BOLEH DILAKUKAN.

CADANGAN INI MENDAPAT SAMBUTAN DARI NEW ZEALAND, MELALUI JURUCAKAP PARTIBURUH NEGARA TERSEBUT MENGENAI PERDAGANGAN, PEMASARAN DAN PELANCONGAN, ENCIK MIKEMOORE, YANG MENYATAKAN BAHAWA KEJU KARI DAN LADAHIJAU TELAH PUN DIKELUARKAN DI NEW ZEALAND.

MALAH BELIAU TELAH MENGIRIMKAN KEPADA PERDANA MENTERI DUA KILO KEJU TERSEBUT.

PERDANA MENTERI, KETIKA MELAWAT SEBUAH LADANG TERNAKAN SUSU DI KENINGAU SABAH, FEBRUARI LALU, MENCADANGKAN SUPAYA LADANG ITU MENJADI PERINTIS MEMBUAT KEJU SEUMPAMA ITU.

BELIAU MENYATAKAN, SEMASA SATU LAWATAN KE AMERIKA SYARIKAT, SEJENIS KEJU MAXICO DENGAN PERASA LADAHIJAU YANG DIDAPATI SANGAT +SEDAP+ DAN +LEBIH SESUAI DENGAN SELERA KITA.+

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PERASA KARI MUNGIN BOLEH DITAMBAH UNTUK HENJADIKAN KEJU ITU LEBIH SESUAI DIHIDANGKAN KEPADA ORANG MALAYSIA.

-- BERNAMA 1333/AZ